

**Setiap Rakyat Tidak Dipinggirkan Daripada Arus Pembangunan - Najib  
Bernama  
31 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan setiap rakyat tidak kira bangsa mahupun kepercayaan agama tidak akan dipinggirkan daripada arus pembangunan negara.

Najib berkata beliau bertekad menjadi perdana menteri yang mewakili setiap rakyat tidak kira warna kulit, kepercayaan agama mahupun fahaman politik.

"Untuk itu, saya akan pastikan kemajuan yang bakal dibawa ke negara ini memberi manfaat kepada setiap rakyat," katanya dalam blog [www.1malaysia.com.my](http://www.1malaysia.com.my) sempena sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai minggu ini.

Najib turut menggesa rakyat supaya terus mengekalkan semangat perpaduan kerana keamanan dan kedamaian merupakan teras kepada pembangunan negara.

"Saya sangat bersyukur kerana di negara ini, kita dapat meraikan pelbagai perayaan dalam suasana penuh harmoni meskipun rakyatnya terdiri daripada pelbagai lapisan kaum dan kepercayaan agama.

"Semangat perpaduan kaum di negara kita sangat dikagumi malah masyarakat antarabangsa juga kagum dengan semangat bersatu-padu antara kita," kata Najib.

Sambil mendoakan agar negara terus dilimpahi rezeki, beliau turut mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai kepada mereka yang meraiikannya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=953300>